

Pemerian Retrospektif Falsafah al-Farabi

[A Retrospective Analysis of al-Farabi's Philosophy]

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 327-340
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 6 February 2025
Accepted: 26 February 2025
Published: 30 March 2025

Muhammad Zharif Baharudin¹, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari¹,
Ezad Azraai Jamsari¹ & Nursafira Lubis Safian²

- 1 Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: p145854@siswa.ukm.edu.my; mozaha@ukm.edu.my; ezad@ukm.edu.my
- 2 Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Arab, AbdulHamid A. AbuSulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur, MALAYSIA. E-mail: nursafira@iium.edu.my

*Corresponding Author: mozaha@ukm.edu.my

Abstrak

Al-Farabi merupakan tokoh perintis falsafah Islam abad ke-10M yang berjaya mengintegrasikan pemikiran Yunani, khususnya Plato dan Aristotle, dengan prinsip-prinsip Islam secara sistematik dan rasional. Pemikirannya telah memberikan pengaruh besar terhadap tradisi intelektual Islam dan Eropah. Namun begitu, kajian kontemporari menunjukkan wujudnya kekeliruan dalam mentafsir konsep-konsep utama falsafahnya, terutama berkaitan *al-Madinah al-Fadilah* dan relevansinya dalam wacana politik serta etika moden. Objektif kajian ini adalah untuk menelusuri latar belakang pemikiran al-Farabi serta menganalisis secara holistik sumbangan beliau dalam perkembangan falsafah Islam. Penulisan ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber primer dan juga sekunder. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa pemikiran al-Farabi merangkumi aspek falsafah politik, metafizik, epistemologi, teori muzik serta memperlihatkan integrasi yang harmoni antara falsafah Yunani dengan prinsip-prinsip Islam

Kata kunci: Sejarah Falsafah, al-Farabi, Politik, Epistemologi, Tokoh Falsafah Islam

Abstract

Al-Farabi was a pioneering figure in Islamic philosophy during the 10th century who successfully integrated Greek thought, particularly that of Plato and Aristotle, with Islamic principles in a systematic and rational manner. His ideas have significantly influenced both the intellectual traditions of Islam and Europe. However, contemporary scholarship reveals ambiguities in the interpretation of key concepts within his philosophy, especially concerning al-Madinah al-Fadilah and its relevance to modern political and ethical discourse. The objective of this study is to explore al-Farabi's background and to provide a holistic analysis of his contributions to the field of Islamic philosophy. This study employs the documentation method for data collection, focusing on various primary and secondary sources. For data analysis, a descriptive approach is adopted through both internal and external criticism. The findings of this study suggest that al-Farabi's thought encompasses elements of political philosophy, metaphysics, epistemology, and music theory, and offers a harmonious integration of Greek philosophy with Islamic principles

Keywords: History of Philosophy, al-Farabi, Politics, Epistemology, Islamic Philosophical Figure



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Muhammad Zharif Baharudin, Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Ezad Azraai Jamsari & Nursafira Lubis Safian. (2025). Pemerian retrospektif falsafah al-Farabi [A Retrospective Analysis of al-Farabi's Philosophy]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 327-340.

Pengenalan

Abu Nasr al-Farabi merupakan antara tokoh agung dalam sejarah pemikiran Islam mahupun Barat yang memainkan peranan penting dalam meletakkan asas falsafah Islam sebagai sebuah disiplin ilmu yang tersusun, sistematik dan rasional (Zolotareva & Zolotareva, 2020). Beliau bukan sekadar seorang ahli falsafah, bahkan turut diangkat sebagai *al-Mu'allim al-Thānī* selepas Aristotle, kerana keupayaannya mentransformasikan falsafah Yunani klasik ke dalam kerangka pemikiran Islam yang kukuh dan berteraskan nilai-nilai keagamaan (Kaushik, 2022; Galston, 2015). Keupayaan beliau dalam mengharmonikan antara pendekatan akal dan wahyu menjadikan pemikirannya sebagai asas kepada perkembangan falsafah Islam klasik yang kemudiannya diwarisi dan diperkembangkan oleh tokoh-tokoh besar seperti Ibn Sina, Ibn Rushd dan al-Ghazali (Druart, 2024). Ketokohan al-Farabi bukan sahaja terserlah dalam bidang metafizik dan logik, malah lebih luas lagi merangkumi epistemologi, politik, etika dan juga muzik. Karya-karyanya seperti *Kitāb Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*, *Iḥṣā' al-'Ulūm* dan *Kitāb al-Mūsīqā al-Kabīr* membuktikan betapa luas dan mendalamnya penguasaan beliau terhadap pelbagai cabang ilmu. Pemikirannya tidak hanya bersifat spekulatif atau teoritikal, bahkan dirangka dengan asas metodologi yang jelas serta dibina atas keprihatinan terhadap realiti sosial dan politik umat Islam pada zamannya. Hal ini menjadikan al-Farabi seorang sarjana multidisiplin yang meletakkan falsafah sebagai medium utama dalam menjawab persoalan-persoalan besar berkaitan manusia, masyarakat dan ketuhanan (Imankul et al., 2023).

Meskipun begitu, kajian-kajian kontemporari mendapati bahawa sumbangan al-Farabi masih belum dikaji secara menyeluruh, khususnya dalam konteks integrasi antara ilmu falsafah dan kerangka teologi Islam. Banyak perbahasan yang memfokuskan aspek biografi atau hanya menekankan satu disiplin tertentu seperti logik atau metafizik, tanpa menyentuh kaitan antara pelbagai cabang ilmu yang beliau bangunkan secara saling berkait (DiPasquale, 2019; Mellanti et al., 2024). Bahkan, antara persoalan yang masih terbuka ialah bagaimana gagasan *al-Madīnah al-Fāḍilah* yang dikemukakannya dapat ditafsir dalam kerangka politik kontemporari atau bagaimana pemikirannya dapat membantu membina asas bagi keharmonian antara akal dan wahyu dalam masyarakat moden. Tambahan pula, konteks sosio-intelektual di mana al-Farabi hidup seperti suasana keilmuan di Baghdad, Bukhara dan Aleppo masih kurang diberikan perhatian dalam memahami kerangka besar pemikiran beliau.

Oleh yang demikian, penelitian ini dilaksanakan untuk menelusuri dan menilai secara retrospektif pemikiran falsafah al-Farabi, dengan memberi penekanan khusus terhadap tiga bidang utama iaitu falsafah politik, metafizik dan epistemologi. Penelitian ini menfokuskan kepada analisis substantif terhadap idea-idea besar yang digagaskan oleh al-Farabi serta hubungan kaitnya dengan pembangunan tradisi falsafah Islam secara menyeluruh. Fokus utama diberikan kepada gagasan *al-Madīnah al-Fāḍilah*, konsep *'aql fa'āl*, dan pendekatan sistematik beliau terhadap pembahagian ilmu, yang semuanya mencerminkan suatu sistem falsafah Islam yang

integratif, rasional dan bertunjangkan nilai-nilai keagamaan. Melalui pendekatan ini, diharapkan penelitian ini dapat memberikan sumbangan bermakna terhadap wacana falsafah Islam kontemporari, sekaligus menonjolkan kepentingan pemikiran al-Farabi dalam mendepani cabaran intelektual semasa yang melibatkan hubungan antara ilmu, agama dan masyarakat.

Pernyataan Masalah

Al-Farabi merupakan tokoh penting dalam sejarah falsafah Islam dan memberi kesan besar terhadap pemikiran Barat, banyak kajian masih belum mengupas pemikirannya secara menyeluruh. Aspek seperti hubungan antara falsafah, agama, dan konteks sosio-intelektual sering dikaji secara terpisah. Justeru, Penulisan ini berusaha meneliti jurang tersebut dan memahami sumbangan al-Farabi dalam satu kerangka yang lebih holistik dan relevan dengan isu semasa. Menurut garapan Mellanti et al. (2024): *“Despite the vast significance of al-Farabi’s work, there remains a considerable gap in research regarding the full extent of his intellectual legacy and its application to contemporary issues”*. Kenyataan ini menunjukkan pemikiran al-Farabi sangat berpengaruh, namun masih kurang dikaji secara menyeluruh, khususnya dalam memahami kaitan antara pelbagai bidang yang disentuhnya serta penerapannya dalam konteks semasa. Selain itu, pengaruh persekitaran intelektual seperti Otrar, Baghdad dan Dimashq terhadap pembentukan falsafahnya masih belum diteroka secara mendalam. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan bagi meneliti bagaimana latar sosio-intelektual tersebut membentuk konsep seperti *al-Madinah al-Fadilah*, pengkelasan ilmu dan hubungan antara akal dan wahyu dalam pemikiran al-Farabi. Selain itu, Kaushik (2022) menyatakan:

Al Farabi made a remarkable contribution to science, philosophy, logic, medicine, mathematics and music. As a philosopher he may be classified as a Neo-Platonist who tried to synthesise Platonism and Aristotelianism with theology. He wrote several commentaries on Aristotle’s physics, methodology and logic. He also wrote a book on music titled Kitab al-Musiqa and invented several musical instruments, besides contributing to the knowledge of musical notes. It is reported that he could play the lute so well as to make people dance with joy or weep at will.

Walaupun al-Farabi dikenali sebagai salah seorang ahli falsafah terkemuka dalam sejarah Islam, masih terdapat kekurangan penelitian yang mendalam mengenai sumbangan beliau dalam memperkayakan ilmu falsafah, logik, politik, dan muzik, serta bagaimana sumbangan ini mempengaruhi perkembangan sains dan pemikiran intelektual di dunia Islam. Permasalahan ini memerlukan kajian yang lebih terperinci untuk mengenal pasti impak dan relevansi sumbangan al-Farabi, serta bagaimana pemikiran beliau dapat memberikan pandangan baru terhadap integrasi ilmu dan agama dalam konteks masyarakat moden

Tinjauan Literatur

Hasil penelitian terhadap pelbagai sumber ilmiah seperti catatan mengenai latar kehidupan al-Farabi dalam artikel jurnal mahupun buku mendapati bahawa al-Farabi merupakan antara tokoh

falsafah Islam yang paling kerap disentuh dalam penulisan falsafah Islam, khususnya dalam bidang metafizik, politik, logik dan epistemologi. Sehubungan dengan itu, Kajian-kajian ini menekankan peranannya dalam mengintegrasikan falsafah Yunani ke dalam wacana Islam serta pengaruh luasnya terhadap pemikiran Barat dan sarjana pasca-klasik. Sehubungan itu, penulisan tinjauan literatur ini akan dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama mengupas aspek biografi dan ketokohan al-Farabi serta konteks sosio-intelektual yang membentuk pemikirannya. Bahagian kedua pula meneliti perbincangan dan penilaian terhadap karya-karya utama beliau serta sumbangan falsafahnya dalam pelbagai disiplin ilmu. Antara penyelidikan mengenai al-Farabi dapat dilihat jelas dalam beberapa kajian lepas, termasuk *Kitāb al-Fihrist* yang dikarang oleh Ibn al-Nadīm dalam sebuah karya bibliografi ensiklopedik yang sangat penting mengenai sejarah intelektual Islam. Catatan tersebut memberi gambaran ringkas tentang latar belakang al-Farabi, aliran pemikiran, dan jenis karya yang dihasilkan. Oleh itu, *Kitāb al-Fihrist* boleh dianggap sebagai sumber primer berharga untuk menjejaki perkembangan ilmu pada abad ke-10M.

Selain itu, DiPasquale (2019) memberikan gambaran yang komprehensif mengenai sumbangan besar al-Farabi terhadap perkembangan tradisi falsafah Islam. Al-Farabi secara meluas diiktiraf sebagai pengasas tradisi ini dan tokoh paling menonjol selepas Aristotle. Sumbangannya dalam bidang logik Aristotelian dan ilmu politik Platonik terbukti sangat berpengaruh, seperti yang ditunjukkan melalui terjemahan lengkap pertamanya dalam bahasa Inggeris terhadap karya *Aristotle Topics*, yang diberi judul *Book of Dialectic* (DiPasquale, 2019). Dalam karya ini, pemahaman al-Farabi terhadap seni dialektik Socrates dilihat sebagai kunci utama dalam usahanya menghidupkan semula warisan saintifik Yunani. Lebih menarik lagi, *Book of Dialectic* menonjol kerana berjaya menggabungkan elemen logik dan politik dalam penulisan al-Farabi, sekali gus membuka dimensi baharu dalam menafsir pemikiran serta pengaruh intelektual beliau (DiPasquale, 2019).

Di samping itu juga, penyelidikan terdahulu turut memberi perhatian kepada hubungan erat antara falsafah dan agama dalam pemikiran politik al-Farabi, seperti yang dibahaskan oleh Ali (2023). Berbeza daripada polemik terkenal antara al-Ghazali dan Ibn Rushd yang sering memperlihatkan pertentangan antara falsafah dan agama, pemikiran al-Farabi menampilkan satu bentuk keserasian dan keharmonian antara kedua-dua sumber ilmu ini. Walaupun al-Farabi menganggap agama sebagai bentuk pengetahuan yang lebih rendah berbanding falsafah, beliau tetap menegaskan bahawa kedua-duanya memainkan peranan yang sama penting dalam membentuk kerajaan yang ideal atau menurut catatan *Kitāb Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*. Menurut Ali (2023) lagi, falsafah dan agama dalam konteks pemikiran politik al-Farabi saling melengkapi dan tidak dapat dipisahkan, kerana tanpa salah satu daripadanya, sistem politik yang dicadangkan oleh al-Farabi tidak dapat wujud sepenuhnya. Pendekatan ini bukan sahaja menonjolkan keunikan al-Farabi dalam mendamaikan dua tradisi ilmu, tetapi juga memperkukuh idea bahawa keharmonian antara akal dan wahyu adalah asas kepada pembentukan masyarakat yang ideal.

Tambahan pula, perbincangan Ali dan Qin (2019) memberikan analisis mendalam yang membezakan konsep kerajaan ideal al-Farabi dengan *The Republic* karya Plato, yang menekankan konteks agama dan politik yang unik, serta idea-idea al-Farabi ini berkembang. Walaupun terdapat kecenderungan dalam kalangan sarjana untuk mengaitkan falsafah politik al-Farabi secara langsung dengan gagasan Plato terutama menerusi konsep pemerintah-

falsafah. Kajian ini menegaskan perbandingan tersebut tidak mencerminkan keseluruhan pemikiran al-Farabi jika latar belakang religio-politik Islam tidak diambil kira. Meskipun al-Farabi mengadaptasi beberapa elemen daripada struktur politik Plato, seperti hierarki sosial dan kepimpinan berasaskan hikmah, kerajaan ideal atau *al-Madinah al-Fadilah* yang dirumuskannya merupakan suatu sintesis asli antara falsafah Yunani dan prinsip wahyu Islam. Oleh itu, gagasan kenegaraan al-Farabi wajar difahami sebagai satu sistem yang tersendiri, dibentuk oleh sejarah intelektual Islam dan bukan sekadar cerminan kepada *The Republic*.

Seterusnya, karya al-Farabi turut dilihat sebagai satu bentuk pengolahan semula terhadap *The Republic* karya Plato, dengan beliau menyesuaikan idea-idea falsafah Yunani tersebut agar selaras dengan kerangka pemikiran Islam. Khoshnaw (2014) menjelaskan al-Farabi mengambil beberapa gagasan utama Plato seperti konsep kerajaan ideal dan pemerintah falsafah lalu mengolahnya agar sesuai dengan nilai-nilai serta prinsip agama Islam. Menurut Khoshnaw (2014) lagi, proses ‘penyesuaian’ ini bukan sekadar meniru, tetapi merupakan usaha aktif al-Farabi untuk menyesuaikan gagasan politik Yunani ke dalam wacana falsafah Islam tanpa mengorbankan nilai-nilai wahyu dan prinsip keagamaan. Oleh itu, meskipun terdapat unsur peminjaman yang jelas, al-Farabi menampilkan keaslian dengan mentransformasikan idealisme Plato ke dalam konteks Islam, menjadikan *al-Madinah al-Fadilah* bukan sahaja sebagai adaptasi, tetapi juga sebagai inovasi dalam teori politik Islam.

Persoalan intelektual yang timbul daripada kewujudan dua karya selari al-Farabi yang terkenal, iaitu *Kitāb al-Siyāsah al-Madaniyyah* (1964) dan *Kitāb Arā’ Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* (1906), yang meskipun memaparkan persamaan yang ketara dari segi tema dan struktur, turut memperlihatkan perbezaan yang signifikan dalam isi kandungannya. Galston (2015) menghujahkan bahawa kedua-dua karya ini tidak boleh dianggap sebagai pengulangan semata-mata, tetapi masing-masing mempunyai koherensi dalaman dan naratif falsafah yang tersendiri. Beliau mencadangkan bahawa perbezaan antara kedua-dua risalah ini mencerminkan usaha al-Farabi untuk menyampaikan pemikirannya kepada khalayak yang berbeza dengan tujuan yang berlainan sama ada bersifat falsafah murni atau bersifat politik retorik. Dengan itu, analisis terhadap karya-karya selari ini bukan sahaja membantu menjelaskan strategi penyampaian al-Farabi, malah turut membuka ruang untuk memahami lapisan falsafah politiknya yang lebih kompleks dan bernuansa.

Dalam hal yang berkaitan, Mellanti (2024) menghuraikan sumbangan besar al-Farabi dalam pelbagai bidang seperti falsafah politik, etika, muzik, dan logik. Beliau menggambarkan al-Farabi sebagai tokoh penting dalam tradisi falsafah Islam yang berjaya menyatukan pemikiran Yunani, khususnya Plato dan Aristotle, dengan prinsip-prinsip Islam. Artikel ini turut menyoroti konsep *al-Madinah al-Fadilah* yang diketengahkan oleh al-Farabi sebagai model kerajaan ideal yang dipimpin oleh individu berilmu dan berakhlak mulia. Selain itu, artikel ini menekankan bahawa pengaruh al-Farabi masih relevan dalam wacana pemikiran kontemporari, terutama dalam isu-isu berkaitan hubungan antara akal dan wahyu, serta penerapan etika dalam masyarakat. Namun, para penulis juga menunjukkan masih terdapat kekurangan dalam kajian komprehensif yang menghubungkan secara menyeluruh antara pelbagai dimensi pemikiran al-Farabi dan konteks sejarahnya. Oleh itu, artikel ini menggesa supaya kajian lanjut dilakukan bagi menghuraikan secara lebih mendalam warisan intelektual al-Farabi dalam kerangka yang bersifat interdisipliner dan kontekstual.

Al-Farabi memainkan peranan penting dalam sejarah pemikiran Islam, terutamanya dalam mempromosikan wajah rasional dan berilmu terhadap Islam di tengah-tengah tuduhan intoleransi yang sering dikaitkan dengan agama ini. Dalam penulisan *Remembering al-Farabi* hasil tangan Kaushik (2022) mengulas sumbangan besar al-Farabi dalam bidang falsafah, logik, politik, dan muzik, serta pengaruhnya terhadap pengembangan sains dan pemikiran Islam pada abad ke-9M dan ke-10M. Kaushik (2022) juga menyoroti perjalanan intelektual al-Farabi yang bermula di Asia Tengah dan diteruskan di Baghdad, dengan beliau memperkenalkan sintesis antara falsafah Plato dan Aristoteles dengan teologi Islam. Penulisan ini memberi penekanan kepada kepentingan pendidikan dan pemikiran kritis dalam membangunkan masyarakat yang adil dan berilmu, sambil menegaskan kedudukan al-Farabi sebagai seorang daripada sarjana besar yang berusaha mengintegrasikan ilmu pengetahuan dan agama demi kesejahteraan umat manusia. Selanjutnya, Madkour (2018) yang memperincikan falsafah dan pemikiran Abu Nasr al-Farabi secara mendalam dan teratur. Beliau membahagikan perbincangan kepada beberapa tema utama seperti riwayat hidup al-Farabi, pembahagian karya-karyanya, serta analisis terhadap teori-teori falsafah yang dihasilkan olehnya. Antara aspek penting yang dikupas termasuk Teori Sepuluh Intelek, Teori Akal, Teori Kenabian, serta pendekatan al-Farabi dalam mentafsir wahyu dan mukjizat melalui lensa rasional dan metafizik. Penulisan ini menampilkan struktur hujahan yang sistematik, dengan sokongan rujukan klasik dan moden, serta menekankan hubungan erat antara falsafah, agama, dan ilmu pengetahuan dalam pemikiran al-Farabi. Madkour (2018) juga menunjukkan bagaimana al-Farabi membina satu sistem falsafah Islam yang bersifat spiritual, logik, dan harmonis, serta membuka jalan kepada pengaruh besar terhadap pemikir Islam dan Barat selepasnya.

Latar Belakang Kehidupan al-Farabi

Abu Nasr Muhammad ibn Muhammad ibn Tarkhan ibn Uzlagh al-Farabi merupakan tokoh besar dalam bidang falsafah Islam dan sebahagian sumber menyatakan al-Farabi dilahirkan pada tahun 872, manakala yang lain menyebutkan pada tahun 890 (al-Tālbi, 1993). Hal ini menunjukkan tarikh kelahiran al-Farabi masih menjadi perdebatan dalam kalangan para ahli sejarah. Namun, yang pasti ialah beliau lahir di Wasij, sebuah kawasan kecil di daerah Farab, yang kini terletak di wilayah Uzbekistan. Wilayah ini pada ketika itu merupakan sebahagian daripada kawasan besar yang dikenali sebagai Transoxiana, sebuah wilayah yang kaya dengan budaya dan tradisi intelektual. Al-Farabi berasal daripada keluarga bangsawan yang mempunyai kedudukan penting dalam masyarakat, di mana ayahnya adalah seorang pegawai dalam ketenteraan Dinasti Samaniyah, yang menguasai sebahagian besar wilayah Transoxiana (Madkour, 2018). Al-Farabi sendiri pernah berkhidmat sebagai qadi pada suatu ketika. Beliau hidup pada zaman di mana kebangkitan intelektual Islam mula berkembang pesat, dan beliau turut mendapat manfaat daripada suasana ilmu yang subur di wilayah kelahirannya (Ibn al-Nadīm, 988). Beliau mempelajari ilmu agama seperti fiqh, hadis, dan tafsir al-Qur'an di samping menguasai bahasa Arab, Turki dan Parsi. Namun, dakwaan bahawa beliau menguasai 70 bahasa seperti yang disebut oleh Ibn Khallikan dianggap tidak sahih dan lebih kepada mitos. Tanggapan bahawa beliau menguasai sebilangan besar bahasa juga mungkin bertujuan untuk menonjolkan peranannya sebagai jambatan antara budaya, khususnya dalam konteks gerakan

penterjemahan semasa zaman keemasan Islam. Gerakan ini amat penting dalam penyebaran ilmu serta pengintegrasian pelbagai tradisi intelektual (DiPasquale, 2019).

Perjalanan intelektual al-Farabi memasuki fasa penting apabila beliau mula meninggalkan kampung halamannya untuk menuntut ilmu di pusat-pusat ilmu terkenal. Beliau berhijrah ke Baghdad, yang pada ketika itu merupakan pusat keilmuan Islam yang unggul. Di sana, beliau bertemu dengan tokoh-tokoh falsafah terkenal seperti Abu Bishr Matta ibn Yunus serta Yuhanna ibn Haylan seorang sarjana Nestorian yang mengajarnya mengenai logik dan falsafah Aristotelian (Shamey et al., 2020; Ibn Khallikan, 1968). Beliau menguasai ilmu logik dengan cemerlang sehingga digelar sebagai *al-Mu'allim al-Thani* selepas Aristotle yang dikenali sebagai *al-Mu'allim al-Awwal* (Galston, 2015). Dalam usia yang matang, beliau turut menetap di Aleppo di bawah naungan Amir Saif al-Daulah dan beliau hidup dalam suasana intelektual penuh toleransi dan kepelbagaian budaya tanpa sebarang prejudis kaum (Madkour, 2018). Ilmu dan kemahiran yang diperoleh dalam tempoh tersebut bukan sahaja membentuk sumbangan falsafah beliau sendiri, malah turut menempatkannya sebagai tokoh penting dalam usaha pengalihan pemikiran falsafah Yunani ke dalam tradisi Islam (Guntoro, 2023).

Walaupun al-Farabi berada dekat dengan istana dan dikenali ramai, beliau tetap hidup zuhud dan menolak kemewahan. Beliau memilih kehidupan sebagai seorang sufi yang tekun dengan ilmu, menulis karya-karya pentingnya dalam suasana yang tenang. Al-Farabi telah menghasilkan lebih kurang sekitar 70 karya, walaupun angka sebenar mungkin dipertikaikan kerana banyak karya tersebut hanya merupakan risalah atau ulasan ringkas. Penulisannya mencerminkan keterlibatan mendalam dengan karya-karya ahli falsafah terdahulu, khususnya Aristotle, dan menunjukkan usaha beliau untuk menyusun serta memperluaskan idea-idea mereka dalam kerangka pemikiran Islam (DiPasquale, 2019). Penulisannya terbahagi kepada dua bidang utama, iaitu logik dan falsafah umum. Dalam bidang logik, beliau banyak memberi komentar terhadap karya *Organon* oleh Aristotle, manakala dalam falsafah umum beliau mengupas bidang metafizik, etika, politik, dan lain-lain. Gaya penulisannya terkenal kerana bersifat padat, jelas dan tidak berlebihan. Antara karya terkenal beliau termasuk *Ihsa' al-'Ulum*, *al-Madinah al-Fadilah* dan *Fusus al-Hikam* (Ali & Qin, 2019). Karya-karya ini menyumbang kepada perkembangan falsafah Islam serta pengaruhnya tersebar hingga ke dunia Latin dan Ibrani. Dalam bidang politik dan falsafah sosial, al-Farabi membangunkan konsep kerajaan ideal yang diketuai oleh pemimpin bijaksana yang berhubung secara langsung dengan *'aql fa'al*, mencerminkan pengaruh pemikiran Plato yang disesuaikan dengan tradisi Islam. Tiga karya utama al-Farabi yang mencerminkan kepelbagaian dan ketajaman pemikirannya ialah *Ihsa' al-'Ulum*, *al-Madinah al-Fadilah* dan *Fusus al-Hikam*. Dalam *Ihsa' al-'Ulum*, beliau menyusun bidang-bidang ilmu secara sistematik, menekankan hubungan antara pelbagai disiplin pengetahuan. *Al-Madinah al-Fadilah* pula mengandungi visi beliau tentang sebuah masyarakat ideal yang dipimpin oleh seorang raja-falsafah berasaskan prinsip keutamaan dan keadilan, selari dengan pemikiran Plato. Sementara itu, *Fusus al-Hikam* membincangkan hakikat hikmah dan peranannya dalam kehidupan manusia, dengan menggabungkan unsur falsafah Yunani dan pemikiran Islam (Galston, 2015; Yuslih, 2022).

Al-Farabi meninggal dunia pada tahun 950 di Syria, dan menurut sesetengah sumber, beliau mungkin pernah melawat Mesir pada akhir hayatnya. Walaupun terdapat laporan yang mengatakan beliau dibunuh oleh perompak, kisah tersebut dianggap tidak sahih kerana sumber utama seperti Oxford dan Qalam Global mencatatkan hal ini masih dipertikai dan belum

disahkan. Sebaliknya, penghormatan yang diberikan oleh *Amir Sayf al-Dawlah* semasa pengebumiannya menunjukkan betapa besarnya penghargaan terhadap beliau. Kewafatan al-Farabi menandakan kehilangan besar dalam dunia keilmuan Islam, namun warisan pemikirannya terus hidup dalam karya-karya sarjana selepasnya seperti Ibn Sina dan al-Ghazali serta mempengaruhi pemikiran Barat menerusi penerjemahan ke dalam bahasa Latin dan Ibrani (Madkour, 2018). Sungguhpun al-Farabi telah meninggal dunia lebih seribu tahun lalu, warisannya masih hidup bukan sahaja dalam bentuk tulisan dan idea yang terus dikaji dan dibahaskan, tetapi juga dalam jejak pemikiran yang menjadi asas kepada dialog antara rasionalisme dan keagamaan dalam peradaban Islam dan dunia Barat. Kewafatan beliau bukanlah noktah kepada perjuangannya dalam dunia keilmuan, tetapi permulaan kepada penyebaran luas pemikiran falsafah Islam ke seluruh dunia (Tercan & Nurysheva, 2021).

Sumbangan Falsafah al-Farabi

Falsafah Politik: Konsep *al-Madinah al-Fadilah*

Sumbangan paling ketara al-Farabi dalam bidang falsafah politik ialah konsep *al-Madinah al-Fadilah*, yang dikemukakan secara terperinci dalam karya penting beliau, iaitu *Kitāb Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*. Dalam gagasan ini, al-Farabi membayangkan sebuah kerajaan ideal yang tersusun secara hierarki dan berasaskan prinsip keadilan, ilmu pengetahuan serta kebahagiaan sejati ataupun dikenali sebagai *al-sa'adah* (Sariding & Rohmah, 2020). Menurutny, kerajaan bukan sekadar struktur pemerintahan, tetapi satu sistem moral dan intelektual yang bertujuan membimbing manusia ke arah kesempurnaan. Beliau menyatakan kerajaan harus dipimpin oleh seorang pemimpin sempurna atau *Ra'īs al-Madinah al-Fadilah*, iaitu individu yang memiliki keutamaan falsafah, akhlak dan intelek yang tinggi (Said, 2019). Pemimpin ini bukan sahaja menguasai bidang ilmu dan rasionalisme, tetapi juga mempunyai kapasiti rohaniah dan kebijaksanaan praktikal. Menurut al-Farabi, hanya individu seperti ini yang mampu memimpin rakyat menuju kebahagiaan hakiki, bukan sekadar kebahagiaan material, tetapi pencapaian kesempurnaan akal dan jiwa.

Dalam perumpamaan falsafahnya, al-Farabi menyamakan pemimpin kerajaan dengan jantung dalam tubuh manusia yang menjadi pusat kawalan dan arah kepada seluruh anggota badan. Begitu juga pemimpin kerajaan ideal, yang bertindak mengatur semua komponen masyarakat agar bergerak secara harmoni dan memenuhi tujuan penciptaan mereka (Sariding & Rohmah, 2020). Hal ini sejajar dengan pandangan beliau bahawa masyarakat berfungsi secara optimum apabila setiap individu melaksanakan peranannya dengan efektif dan selaras dengan tabiat semula jadi mereka ataupun *fiṭrah*. Struktur sosial dalam *al-Madinah al-Fadilah* dibina atas asas ilmu dan akhlak. Mereka yang memiliki hikmah dan kesedaran moral yang tinggi menduduki tangga teratas dalam hierarki masyarakat. Al-Farabi percaya bahawa keadilan wujud apabila setiap individu diletakkan pada tempat yang sepatutnya, berdasarkan kapasiti intelek dan moral mereka, dan melaksanakan tugas masing-masing demi kebaikan bersama.

Konsep kerajaan ideal yang diketengahkan oleh al-Farabi sering dibandingkan dengan *The Republic* karya Plato, terutama dalam aspek gagasan pemerintah-falsafah yang menggabungkan kebijaksanaan intelektual dengan kepimpinan moral (al-Farabi, 1906).

Namun, al-Farabi mengadaptasi dan mengIslamisasikan konsep tersebut ke dalam kerangka akidah Islam (Imankul et al., 2023). Beliau meletakkan Nabi sebagai pemimpin tertinggi, yang bukan sahaja memerintah secara adil, tetapi juga menerima wahyu Ilahi. Ini membezakan konsepnya daripada Plato, kerana ia mengintegrasikan unsur kenabian dan teologi sebagai asas kerajaan satu pendekatan yang menjadikan pemikiran politik al-Farabi jauh lebih komprehensif. Dengan itu, *Kitab Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* bukan sahaja mencerminkan aspirasi politik ideal dalam tamadun Islam, tetapi juga memperlihatkan usaha al-Farabi dalam menyatukan akal dan wahyu sebagai dua sumber utama dalam membentuk sistem pemerintahan yang adil, rasional, dan bermoral.

Falsafah Metafizik dan Epistemologi

Falsafah metafizik al-Farabi berasaskan kepada konsep asas tentang kewujudan yang perlu atau *necessary existence*, iaitu suatu entiti yang tidak memerlukan pencipta atau penyebab lain bagi kewujudannya. Dalam konteks ini, Tuhan adalah Wujud Pertama atau istilah *al-wujūd al-awwal*, sumber segala kewujudan dan penyebab utama bagi segala makhluk. Konsep ini menjadi teras dalam sistem metafizik al-Farabi (1990) dalam *Kitāb al-Hurūf* dan memainkan peranan penting dalam menjelaskan susunan alam semesta dan struktur kewujudan secara bertingkat. Beliau mengambil inspirasi daripada Neoplatonisme dan Aristotelianisme dan membina teori emanasi atau *ḥayd*, yang menyatakan bahawa daripada Tuhan, pancaran kewujudan berlaku secara bertingkat melalui intelek kosmik (Mellanti et al., 2024). Dalam sistem ini, emanasi bermula dari wujud pertama ke intelek pertama, kemudian ke sfera langit dan seterusnya ke dunia fizikal. Intelek yang paling dekat dengan manusia ialah '*aql al-fa'al*' yang berfungsi sebagai penghubung antara manusia dan sumber pengetahuan mutlak.

Pandangan ini bukan sekadar menjelaskan struktur kosmologi, tetapi juga membentuk kerangka epistemologi al-Farabi. Beliau menekankan pemahaman tentang struktur kewujudan adalah asas kepada pemilikan pengetahuan sejati. Pandangan ini bukan sekadar menjelaskan struktur kosmologi, tetapi juga membentuk kerangka epistemologi al-Farabi. Beliau menekankan pemahaman tentang struktur kewujudan adalah asas kepada pemilikan pengetahuan sejati. Justeru, pemimpin yang berbudi luhur perlu memahami hakikat metafizik dan bertindak selaras dengan ilham daripada '*aql al-fa'al*', agar dapat membimbing masyarakat menuju keharmonian sosial dan pencapaian *sa'adah* secara kolektif (Rushanova et al., 2023). Dalam pemahaman epistemologinya, al-Farabi menggambarkan pengetahuan bukan hanya sebagai hasil daripada pengalaman empirikal, tetapi turut melibatkan proses rasional, intuitif dan falsafah (Guntoro, 2023). Epistemologi al-Farabi mengandungi pembahagian yang sistematik tentang tahap-tahap akal dalam usaha memperoleh pengetahuan: (a) akal potensi (*al-'aql al-quwwah*), iaitu tahap asas yang ada pada semua manusia serta berupaya menerima maklumat dan makna; (b) akal aktual (*al-'aql bi al-fi'l*), iaitu akal yang telah mula berfungsi, di mana ilmu diperoleh secara aktif melalui pengalaman dan latihan; dan (c) akal perolehan (*al-'aql al-mustafād*), iaitu akal yang telah mencapai tahap tertinggi kefahaman, berhubung terus dengan akal aktif dan sumber kebenaran mutlak.

Al-Farabi menyatukan epistemologi dan metafizik secara erat. Menurutnya, proses mengetahui tidak dapat dipisahkan daripada pemahaman tentang struktur kewujudan. Pengetahuan sebenar bukan hanya sekadar pengumpulan fakta, tetapi melibatkan pemahaman

menyeluruh tentang realiti yang mendalam. Oleh itu, antara falsafah dan agama, tiada percanggahan mutlak. Wahyu dianggap sebagai bentuk pengetahuan metafizik yang disampaikan dalam bentuk simbolik kepada umum, manakala falsafah ialah jalan intelektual yang menerangkan perkara yang sama dengan pendekatan rasional (Hadi, 2024; Guntoro, 2023). Sintesis pemikiran al-Farabi dalam kedua-dua bidang ini mencerminkan kekuatan beliau dalam menyatukan pelbagai tradisi falsafah terutamanya dari Neoplatonisme dan Aristotelianisme ke dalam kerangka pemikiran Islam. Beliau berjaya menjadikan metafizik dan epistemologi sebagai asas bagi kerangka falsafah Islam yang mantap dan tersusun, serta menjadi asas rujukan kepada tokoh-tokoh selepasnya seperti Ibn Sina dan Ibn Rushd (Madkour, 2018). Keseluruhan sistem ini membentuk pemahaman bahawa manusia boleh mencapai kebahagiaan tertinggi ataupun dikenali sebagai *al-sa'adah* melalui pembangunan intelek dan hubungan langsung dengan akal aktif. Lantas, pencapaian intelektual bukan sahaja merupakan tujuan peribadi, tetapi tanggungjawab sosial dan metafizik dalam pencarian kebenaran.

Integrasi antara Falsafah Yunani dan Islam

Satu daripada pencapaian intelektual terbesar al-Farabi ialah kemampuannya mengintegrasikan unsur-unsur falsafah Yunani, khususnya pemikiran Plato dan Aristotle, ke dalam kerangka pemikiran Islam secara kritis dan sistematik, tanpa menjejaskan nilai-nilai asas teologi Islam itu sendiri. Oleh sebab itu, beliau sering digelar sebagai *al-Mu'allim al-Thani* selepas Aristotle, kerana kedudukannya sebagai tokoh yang berjaya menyusun semula warisan falsafah Yunani dalam bentuk yang sesuai dengan struktur keilmuan Islam (Khoshnaw, 2014). Dalam karya utamanya, *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*, al-Farabi (1906) secara terang-terangan mengadaptasi dan mengolah idea daripada *The Republic* karya Plato. Namun, beliau tidak menyalin secara literal, sebaliknya menyesuaikan konsep kerajaan ideal tersebut dengan realiti masyarakat Islam. Hal ini dapat dibuktikan cara beliau mentransformasikan gagasan raja filosof Plato kepada konsep pemimpin falsafah dalam Islam, iaitu seorang pemimpin yang bukan sahaja bijaksana dan rasional, tetapi juga beriman serta mendapat bimbingan wahyu (Yuslih, 2022).

Beliau menekankan penguasa yang adil atau *Ra'is al-Madinah al-Fadilah* bukan hanya perlu memiliki kebijaksanaan dan intelektual tinggi seperti yang digariskan oleh Plato, tetapi harus juga memiliki integriti moral dan kefahaman terhadap agama. Hal ini menunjukkan satu sintesis falsafah dan teologi satu dialog aktif antara dua tradisi besar iaitu falsafah Yunani dan ajaran Islam. Selain itu, al-Farabi secara mendalam meneroka hubungan antara akal dan wahyu (Imankul et al., 2023). Dalam kerangka pemikirannya, akal berfungsi sebagai alat untuk memahami dan mentafsir realiti, manakala wahyu menjadi sumber kebenaran mutlak. Beliau berhujah bahawa keduanya tidak bercanggah, bahkan saling melengkapi dalam usaha manusia mencari hakikat dan mencapai kebahagiaan sejati iaitu *al-sa'adah*. Akal diperlukan untuk memahami makna yang terkandung dalam wahyu, sementara wahyu memberikan bimbingan rohaniah yang melampaui batas rasional semata-mata (Kemberbay & Tutinova, 2022).


Integrasi ini boleh dilihat pada cara al-Farabi mentafsir konsep *polis* Plato sebagai *al-madinah* dalam konteks masyarakat Islam (Yuslih, 2022). Begitu juga, konsep *eudaimonia* Aristotle, iaitu kebahagiaan tertinggi disesuaikan menjadi *al-sa'adah*, yang difahami bukan hanya sebagai kebahagiaan material atau intelektual, tetapi juga sebagai kesempurnaan rohani

yang seimbang antara dunia dan akhirat. Sintesis pemikiran ini menjadi asas kepada tradisi falsafah Islam yang diteruskan oleh tokoh-tokoh besar selepasnya seperti Ibn Sina dan Ibn Rushd (Druart, 2024). Al-Farabi meletakkan landasan bagi pemikir-pemikir ini untuk meneruskan usaha penggabungan antara falsafah Yunani dan Islam dengan lebih mendalam, sehingga membentuk suatu tradisi intelektual yang berpengaruh di Timur dan juga di Barat pada Zaman Pertengahan. Secara keseluruhannya, integrasi yang dilakukan oleh al-Farabi tidak sekadar hanya dua tradisi yang berbeza, tetapi membina satu sistem falsafah Islam yang unik, yang berpijak di atas prinsip logik dan akal sambil tetap berpaksikan dalam keimanan dan wahyu. Inilah sumbangan besarnya dalam menyatukan dua dunia pemikiran Yunani dan Islam ke dalam satu kerangka yang rasional, keagamaan dan lestari.

Sumbangan al-Farabi dalam Bidang Muzik: *Kitab al-Musiqa al-Kabir*

Bidang muzik turut menerima perhatian besar daripada al-Farabi, setanding dengan penglibatannya dalam bidang metafizik, politik, dan logik. Dalam karya monumentalnya, iaitu *Kitāb al-Mūsīqā al-Kabīr* mempersembahkan satu teori muzik yang paling sistematik dan saintifik dalam sejarah intelektual Islam (Mellanti et al., 2024). Karya ini bukan sekadar manual teknikal, tetapi merangkumi falsafah muzik dari sudut matematik, fizik, estetik, dan etika. Al-Fārābī (t.th.) menghuraikan struktur muzik secara terperinci, termasuk nota, skala, irama, dan teori resonans bunyi. Pendekatannya bersifat saintifik, berdasarkan prinsip matematik dan fizik, yang menjadikan karya ini rujukan utama dalam kajian muzik klasik Islam dan turut mempengaruhi perkembangan muzik Barat, khususnya semasa era *Renaissance*. Selain itu, al-Farabi mengangkat muzik sebagai sebahagian daripada wacana falsafah yang lebih luas. Beliau berhujah bahawa muzik berperanan dalam penanaman nilai kebaikan dan pencarian kecantikan, selaras dengan konsep harmoni dan keseimbangan dalam alam semesta (Rushanova et al., 2023). Bagi beliau, muzik mencerminkan susunan kosmik iaitu struktur nada dan irama menggambarkan keharmonian metafizik antara unsur-unsur alam. Pandangan ini menunjukkan bahawa muzik, dalam kerangka al-Farabi, bukan semata-mata hiburan atau seni, tetapi juga medium pendidikan moral dan intelektual. Muzik dapat mempengaruhi emosi, membentuk akhlak, dan membawa individu ke arah kebahagiaan iaitu matlamat utama dalam seluruh sistem falsafah beliau (Ali & Qin, 2019). Beliau juga dikenali sebagai pemuzik berbakat dan pencipta alat muzik. Catatan sejarah menyebut bahawa al-Farabi mampu memainkan alat muzik seperti *ūd* atau *oud* dan instrumen muzik, termasuk versi *tanbur* Baghdad dan *rabab* (Mihaylov, 2024). Dengan gaya yang begitu ekspresif membuat orang ketawa atau menangis menunjukkan kefahamannya terhadap kekuatan muzik dalam mempengaruhi jiwa manusia. Hal ini menjadikan beliau bukan sahaja ahli teori muzik, tetapi juga praktisi seni yang mendalam.

Pengaruh al-Farabi dalam bidang muzik merentas sempadan dunia Islam. Ideanya turut diserap dalam teori muzik Barat, terutama pada zaman *Renaissance*, di mana pemikir-pemikir Eropah mengambil inspirasi daripada pendekatannya yang menggabungkan rasionalisme dengan estetika (Galston, 2015). Secara keseluruhan, sumbangan al-Farabi dalam bidang muzik mengukuhkan kedudukannya sebagai tokoh multidisiplin yang berjaya menyatukan pelbagai cabang ilmu dalam satu kerangka falsafah yang tersusun, integratif dan harmonis. Bagi beliau, satu daripada jalan ke arah kesempurnaan intelek dan spiritual manusia seiring dengan falsafah, logik, dan metafizik.



Rajah 1: Sorotan Latar Belakang Kehidupan dan Tema Pemikiran al-Farabi

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa al-Farabi ialah tokoh agung dalam sejarah intelektual Islam yang berjaya menggabungkan falsafah Yunani dengan prinsip Islam secara harmoni dan sistematik, sekali gus membina asas falsafah Islam yang merangkumi metafizik, politik, logik, epistemologi, etika dan muzik. Melalui karya seperti *Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*, *al-Siyasah al-Madaniyyah* dan *Kitab al-Musiqah al-Kabir*, beliau merumuskan konsep kerajaan ideal yang menekankan kepimpinan berilmu dan berakhlak sebagai asas kesejahteraan masyarakat serta menunjukkan integrasi antara agama dan falsafah dalam sistem kenegaraan. Al-Farabi juga memberi sumbangan besar dalam bidang muzik dengan membangunkan teori muzik secara saintifik dan sistematik, memperkukuh kedudukannya sebagai tokoh multidisiplin. Konteks sosio-intelektual di Baghdad, Bukhara dan Konstantinopel turut membentuk asas falsafahnya, menjadikan beliau jambatan penting antara falsafah Yunani klasik dan tradisi Islam. Pendekatannya yang rasional, sistematik dan berorientasikan etika masih relevan dalam wacana kontemporari, khususnya dalam isu integrasi ilmu dan agama serta pembinaan masyarakat beretika. Justeru, warisan intelektual al-Farabi wajar terus dikaji dan diadaptasi sebagai inspirasi dalam membina tamadun seimbang antara akal dan wahyu.

Rujukan

- Ali, I. & Qin, M. 2019. Distinguishing the virtuous city of Alfarabi from that of Plato in light of his unique historical context. *HTS Teologiese Studies / Theological Studies* 75(4): a5370, <https://doi.org/10.4102/hts.v75i4.5370>
- Ali, I. 2023. Philosophy and religion in the political thought of Alfarabi. *Religions* 14(7), 908, <https://doi.org/10.3390/rel14070908>
- DiPasquale, D.M. 2019. *Alfarabi's Book of Dialectic (Kitāb al-Jadal): On the Starting Point of Islamic Philosophy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- al-Farabi, Muhammad ibn Muhammad. 1906. *Kitāb Arā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*. al-Qahirah: Matba'at al-Sa'adah.

- al-Farabi, Muhammad ibn Muhammad. 1964. *Kitāb al-Siyāsah al-Madaniyyah*. Bayrut: al-Maṭba‘ah al-Kathulikiyyah.
- al-Farabi, Muhammad ibn Muhammad. 1990. *Kitāb al-Ḥurūf*. Bayrut: Dār al-Mashriq.
- al-Farabi, Muhammad ibn Muhammad. t.th. *Kitāb al-Mūsīqā al-Kabīr*. Tahqiq. Khushabah, ‘Attas ‘Abd al-Malik. al-Qahirah: Dar al-Katib al-‘Arabi li al-Tiba‘ah wa al-Nashr.
- Galston, M. 2015. The puzzle of Alfarabi’s parallel works. *The Review of Politics* 77(3): 519-543.
- Guntoro, G. 2023. Kontribusi Al-Farabi dalam bidang keilmuan. *Al-Hikmah: Jurnal Theosofi dan Peradaban Islam* 5(1): 84-97.
- Hadi, A. 2024. The relation of metaphysics to political theory in the thoughts of Al-Farabi. *Buletin al-Turas* 30(1): 13-24.
- Ibn al-Nadīm, Muhammad ibn Ishaq. 988. *Kitāb al-Fihrist*. Dublin: Chester Beatty Library.
- Ibn Khallikan, Ahmad ibn Muhammad. 1968. *Wafayāt al-A‘yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*. Beirut: Dār al-Ṣādir.
- Imankul, Z., Abdildin, Z. & Aubakirova, S. 2023. The peculiarity of the dialectical ideas of the second teacher, a prominent representative of the Muslim renaissance. *Metaphilosophy* 54(1): 164-174.
- Kaushik, D. 2022. Remembering Al Farabi. Dlm. Doraiswamy, R. (pnyt.). *Cultural Histories of Central Asia*, hlm. 155-163. London: Routledge.
- Kemberbay, R.A. & Tutinova, N.E. 2022. Al-Farabi and science. *Bulletin of the Karaganda University. History. Philosophy Series* 107(3): 335-341.
- Khoshnaw, M.N. 2014. Alfarabi’s conversion of Plato’s Republic. *Journal of Philosophy and Thought* 2(1): 5-8.
- Madkour, I. 2018. Al-Farabi. Dlm. M.M. Sharif (pnyt.). *A History of Muslim Philosophy*. Jil. 1 (Book 3, Chapter 23). <https://al-islam.org/history-muslim-philosophy-volume-1-book-3/chapter-23-al-farabi>.
- Mellanti, N.L., Abbas, N. & Saib, A. 2024. A study on the thought of Al Farabi and intellectual legacy. *Journal of World Thinkers* 1(2): 179-188.
- Mihaylov, I. 2024. The great music book of Al-Farabi: A medieval model for music theoretical research. *Annual of Arts* 117: 241-258.
- Rushanova, N., Syrgakbaeva, A., Kulshanova, A., Akhmetova, E. & Mukhamejanova, A. 2023. “Ignorance” in ethnic culture: The philosophy of Al-Farabi. *Xlinguae* 16(3): 27-34.
- Said, A. 2019. Filsafat politik Al-Farabi. *Indonesian Journal of Islamic Theology and Philosophy* 1(1): 63-78.
- Sariding, D. & Rohmah, S. 2020. Konsepsi negara sejahtera menurut Al-Farabi. *Staatsrecht: Indonesian Constitutional Law Journal* 4(1): 90-108.
- Shamey, R., Kirchner, E. & Amirshahi, S.H. 2020. Ibn Sina (Avicenna) ca. 980-1037. Dlm. Shamey, R. & Kuehni, R.G. (pnyt.). *Pioneers of Color Science*, hlm. https://doi.org/10.1007/978-3-319-30811-1_9. Cham: Springer.
- al-Tālbi, A. 1993. Al-Fārābī: A.D. 872-950/A.H. 259-339. *Prospects: Comparative Journal of Curriculum, Learning, and Assessment* 23: 353-372.
- Tercan, N. & Nurysheva, G. 2021. Al-Farabi’s creative heritage and his scientific-pedagogical ideas. *Perspectives of Science and Education* 54(6): 434-442.

- Yuslih, M. 2022. Political philosophy: A comparative analysis of Al-Farabi and Aristotle's thought. *Kawanua International Journal of Multicultural Studies* 3(2): 44-51.
- Druart, T.A. 2024. Al-Farabi. Dlm. *Stanford Encyclopedia of Philosophy*. Stanford: Stanford University.
- Zolotareva, L. & Zolotareva, Y. 2020. Heritage of al-Farabi in art-cultural and pedagogical understanding. *Pedagogy and Psychology* 42(1): 196-206.